

31/01/1999

Kaedah bersepadu atasi masalah tol

KIAU simpati dengan Perdana Menteri. Apabila orang lain tidak boleh buat atau yang dibuatnya jadi tahi, Perdana Menteri lah yang kena pikul beban.

Inilah yang berlaku apabila Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu mengumumkan yang kadar tol Lebuhraya Utara-Selatan akan naik selepas Tahun Baru Cina bulan depan dan tol Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) di Kuala Lumpur ditetapkan pada kadar RM1.50.

Apabila penentangan terhadap cadangan itu terkeluar daripada kawalan, terpaksa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan.

Kiau boleh kata inilah kerja Perdana Menteri. Apabila menteri tidak boleh selesaikan masalah atau burukkan masalah, dialah yang terpaksa tanggung bebannya.

Kadang-kadang cara seseorang menteri membuat kenyataan memburukkan keadaan. Ada yang celupar. Ada yang memang tak pandai berhujah. Dan ada yang panas baran.

Soal lebuhraya tol ini bukanlah perkara baru. Begitu jugalah soal kadar tol. Kalau tak silap Kiau, tol terawal dikenakan di atas jalan lama ialah antara Tanjung Malim dan Slim River. Itupun bukan lebuhraya tapi hanya jalan biasa yang diluaskan sedikit.

Lebuhraya tol swasta yang pertama kalau tak salah Kiau ialah dari Bukit Raja ke Pelabuhan Klang yang dibina dan diselenggarakan oleh Syarikat Shapadu.

Kemudian barulah kita ada Lebuhraya Utara-Selatan sepanjang 848 kilometer itu. Lebuhraya ini dicadangkan pada zaman pemerintahan Allahyarham Tun Razak lagi sebagai projek kerajaan. Pada waktu itu, harganya dianggarkan RM2.4 bilion.

Tetapi disebabkan kos yang tinggi, kemelesetan ekonomi dan keperluan Kerajaan membelanjakan wang untuk projek yang lebih mendesak, cadangan itu ditangguhkan.

Hanya pada pertengahan tahun 80-an barulah ia dihidupkan semula. Menjelang waktu itu, anggaran kosnya meningkat kepada RM8.4 juta. Sekali lagi kerajaan mendapati ia tidak mampu dan tidak patut membelanjakan begitu banyak wang cukai membina hanya satu projek.

Kemudian, Dr Mahathir dengan bantuan Menteri Kewangan waktu itu Tun Daim Zainuddin mencadangkan supaya projek itu dilaksanakan oleh swasta dan bayaran tol dikenakan kepada pengguna.

United Engineers (Malaysia) Berhad yang dipimpin oleh usahawan muda Melayu, Tan Sri Halim Saad, adalah yang terawal mengemukakan cadangan melaksanakan projek itu.

Tetapi sebaik saja keputusan dibuat, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang menghalangnya dengan menyaman UEM. Saman beliau ditolak oleh Mahkamah Agung pada bulan Januari 1988 dan projek itu dilaksanakan.

Ini yang Kiau tak faham dengan Kit Siang. Dia nampaknya mahu semua kemudahan dengan percuma dan ambil kesempatan daripada segala masalah untuk memburukkan kerajaan. Inilah pembangkang ala Kit Siang.

Kerajaan guna duit awam untuk projek besar, dia bangkang. Dia kata ini projek mega dan membazir. Kerajaan serah projek besar kepada swasta pun dia tak setuju juga. Dia kata tol bebaskan rakyat dan yang dapat projek itu kroni kerajaan.

Apabila penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan mula dirundingkan, UEM minta kadar tol 7.5 sen sekilometer, tempoh pajakan 25 tahun dan bantuan modal kerajaan.

Kerajaan sejak awal lagi tidak setuju pasal membebaskan pengguna. Ia hanya setuju kadar tol permulaan lima sen sekilometer dan tempoh pajakan 30 tahun.

Yang orang ramai nampaknya sudah lupa ialah selama lima tahun (1988-1992) bayaran tol kekal pada kadar lima sen, projek disiapkan lebih awal dan kos pembinaan dikurangkan kepada RM6.6 bilion daripada anggaran asal.

Tetapi ini tidaklah bermakna kerajaan harus sewenang-wenangnya membenarkan lebih banyak lebuh raya tol dibina dan kadar tol yang membebaskan. Apatah lagi mengetepikan janji mengadakan jalan alternatif.

Kiau rasa elok kerajaan dan pemilik lebuh raya swasta mencari penyelesaian jangka panjang kepada masalah kadar tol ini supaya beban kerajaan boleh dikurangkan, kepentingan pengguna terpelihara dan pemilik projek tidak rugi.

Mungkin satu sistem pemilikan, penggunaan dan pembayaran tol bersepadu boleh diperkenalkan. Kalau masalah ini berterusan dan dijadikan modal politik oleh pembangkang, ia lambat laun akan menjejaskan pengusaha lebuh raya sendiri.

(END)